



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR

Telefon: 03-61794752

Faksimile: 03-62414679

E-mel: wea0260@moe.edu.my



Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (63)
Tarikh : 17 April 2023

Semua Ibu Bapa / Penjaga
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN CUTI PERSEKOLAHAN SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI, CUTI
PERTENGAHAN PENGGAL 1 SESI AKADEMIK 2023/2024 DAN CUTI UMUM SEMPENA
SAMBUTAN HARI PEKERJA TAHUN 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Merujuk Kalendar Akademik Sesi 2023/2024 Kementerian Pendidikan Malaysia, sekolah telah diperuntukkan tambahan cuti perayaan sempena Hari Raya Aidilfitri iaitu pada 20 April 2023 dan 21 April 2023. YB Menteri Pendidikan Malaysia pada 11 April 2023 telah mengumumkan bahawa semua murid dan guru diberikan cuti khas pada 19 April 2023 sempena Hari Raya Aidilfitri.

3. Dimaklumkan juga bahawa cuti persekolahan pertengahan penggal 1 sesi akademik 2023/2024 bermula 22 April 2023 hingga 30 April 2023. Manakala pada 1 Mei 2023 merupakan cuti umum sempena sambutan Hari Pekerja.

4. Sehubungan dengan itu, semua murid dan guru akan bercuti mulai 19 April 2023 hingga 1 Mei 2023 sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri, cuti pertengahan penggal 1 dan sambutan Hari Pekerja. **Semua murid dan guru akan kembali ke sekolah pada 2 Mei 2023 (Selasa).**

5. Pihak sekolah mengucapkan menyambut Hari Raya Aidilfitri kepada semua warga SETIARA yang menyambutnya dan selamat menyambut Hari Pekerja kepada semua ibu bapa/penjaga serta selamat bercuti kepada semua murid dan guru. Pihak sekolah juga berharap YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan sentiasa mengawasi dan memantau pergerakan anak/anak jagaan masing-masing dalam waktu cuti perayaan dan cuti persekolahan.

Perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)
Pengetua
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

"SETIARA SENTIASA JUARA"